SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 20 TAHUN 2024**

# PINDAAN
# KELAYAKAN KEMASUKAN CALON WARGANEGARA DENGAN SYARAT KEMASUKAN ANTARABANGSA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
15 Oktober 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

15 Oktober 2024

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**
**BILANGAN 20 TAHUN 2024**

# PINDAAN
# KELAYAKAN KEMASUKAN CALON WARGANEGARA DENGAN SYARAT KEMASUKAN ANTARABANGSA

## 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-238 Bilangan 10/2024 yang bersidang pada 15 Oktober 2024 telah meluluskan pindaan kelayakan kemasukan calon warganegara dengan syarat kemasukan antarabangsa berkuatkuasa serta merta.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-189 Bil.4/2020 telah meluluskan cadangan Garis Panduan Kemasukan Calon Warganegara dengan Syarat Kemasukan Antarabangsa.

2.2 Antara kandungan garis panduan tersebut ialah kelayakan masuk.

2.3 Perubahan kelayakan kemasukan mengambil kira perubahan syarat antarabangsa yang terkini berdasarkan Surat Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris kepada pelajar Universiti Awam bertarikh 6 Mac 2023 dan kelulusan Mesyuarat Senat Kali Ke-235 Bil. 7/2024 bertarikh 9 Julai 2024.

2.4 Syarat Am dan kompetensi Bahasa Inggeris yang telah diluluskan ialah:

| PERINGKAT PENGAJIAN | SYARAT AM |
|---|---|
| **DIPLOMA** | Academic qualification of Sijil Pelajaran Malaysia (Malaysian Certificate Education MCE) or equivalent:<br>• Pass "O" Level minimum of Grade C in five (5) subjects; or<br>• Pass in the High School Certificate/ High School Diploma (6+3+2) or according the qualification list for MQA international students; and<br><br>Have sat for TOEFL (iBT) with a minimum score of 30; or<br><br>Have sat for International English Language Testing System (IELTS)/ IELTS (Online) with a minimum score of 4.0; or<br><br>Have sat for Cambridge English Qualifications and Test:<br>• Linguaskill Online with a minimum score 140; or<br><br>Have sat for Malaysian University English Test (MUET) with a minimum score of Band 3.0; or<br><br>Have sat for APTIS Advanced with a minimum score of Band B1; or<br><br>Any certified examinations that are aligned with CEFR. |
| **SARJANA MUDA** | Academic qualifications of Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (Higher School Leaving Certificate–HSC) or Diploma recognized by the Malaysian Government or equivalent:<br>• A pass in the 'A' Level examination or equivalent with a minimum of Grade C in any three (3) subjects;<br>or<br>• A pass in the Senior Secondary School Graduation Certificate (at least 12 years duration of studies (6+3+3)) or qualification according list for the MQA international students;<br>or<br>• A Diploma or other equivalent qualification with a minimum of 2.50 Cumulative Grade Point Average (CGPA) deemed to be of equivalent standing. from the Malaysian Government and approved by the UPSI Senate;<br>• A pass in the 'O' Level examination or equivalent; and<br><br>Have sat for TOEFL (iBT) with a minimum score of 40; or<br><br>Have sat for International English Language Testing System (IELTS) / IELTS (Online) with a minimum score of 5.0; or<br><br>Have sat for Cambridge English Qualifications and Test:<br>• Linguaskill Online with a minimum score 154; or<br><br>Have sat for Malaysian University English Test (MUET) with a minimum score of Band 3.5; or<br><br>Have sat for APTIS Advanced with a minimum score of Band B1; or<br><br>Any certified examinations that are aligned with CEFR. |

## 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan pindaan kelayakan kemasukan calon warganegara dengan syarat kemasukan antarabangsa berkuatkuasa serta merta seperti berikut:

| BIL. | KELAYAKAN MASUK ASAL | CADANGAN PINDAAN | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|
| 1. | **3.0 KELAYAKAN MASUK**<br><br>3.1 Kelayakan masuk bagi calon warganegara yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia tetapi mempunyai kelayakan pendidikan formal dari luar negara adalah sama seperti kelayakan masuk calon antarabangsa sebagaimana yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) seperti di **Lampiran 1.**<br><br>3.2 Calon juga hendaklah memenuhi syarat minimum Bahasa Inggeris dengan memiliki sijil *Malaysian University English Test* (MUET) pada tahap dua (2) dan ke atas.<br><br>3.3 Sekiranya calon tidak mempunyai kelayakan MUET, permohonan calon boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai keputusan *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) dengan skor minimum 500 atau *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor minimum lima (5) kecuali beberapa program yang memerlukan kelayakan minimum yang lebih tinggi seperti tercatat dalam **Petikan Minit Mesyuarat Senat Kali Ke-148 Bil. 11/2016.**<br><br>3.4 Permohonan kemasukan calon hendaklah dihantar bersama-sama salinan kad pengenalan diri sendiri dan ibubapa yang telah disahkan bagi membuktikan calon benar-benar warganegara Malaysia. | **3.0 KELAYAKAN MASUK**<br><br>3.1 Kelayakan masuk bagi calon warganegara yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia tetapi mempunyai kelayakan pendidikan formal dari luar negara adalah sama seperti kelayakan masuk calon antarabangsa sebagaimana yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) seperti di **Lampiran 1.**<br><br>3.2 Calon juga hendaklah memenuhi syarat minimum Bahasa Inggeris seperti yang luluskan Senat bagi calon pelajar antarabangsa UPSI.<br><br>3.3 Digugurkan<br><br>3.4 Permohonan kemasukan calon hendaklah dihantar bersama-sama salinan kad pengenalan diri sendiri dan ibu bapa yang telah disahkan bagi membuktikan calon benar-benar warganegara Malaysia. | Selaras dengan syarat kemasukan antarabangsa yang terkini. |

## 4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN"**

**(SUHAILA SIDEK)**
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 15 Oktober 2024